



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	3 NOVEMBER 2016



MAHATHIR
MOHAMAD



MUHYIDDIN YASSIN



MUKHRIZ
MAHATHIR



ANINA SAADUDIN



SYED SADDIQ SYED
ABDUL RAHMAN

PPBM akan jumpa Pas bincang kerjasama PRU-14

um - 3/11/2016

PUTRAJAYA 2 Nov. - Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) akan mengadakan pertemuan dengan Pas bagi berbincang mengenai jalinan kerjasama untuk menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Presidennya, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Pas telah menyatakan persetujuan dan tarikh perjumpaan juga sudah ditetapkan.

Selain Pas katanya, pakatan pembangkang juga menjemput PPBM untuk menghadiri mesyuarat bersama pemimpinnya dalam tempoh terdekat.

"Kita perlu ada pertemuan bagi berbincang mengenai bentuk kerjasama yang sesuai untuk dijalinan," katanya dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat Agung Khas PPBM Memilih Anggota Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi PPBM, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Muhyiddin turut mengumumkan, anak Tun Mahathir, Datuk Seri Mukhriz sebagai Timbalan Presiden dan tiga Naib Presiden iaitu bekas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman; bekas Exco Kerajaan Negeri Perak, Datuk Hamidah Osman dan pengamal undang-undang, Datuk Abdul Rashid Asari.

Menurutnya, Anina Saadudin dipilih sebagai Ketua Srikandi dan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman sebagai Ketua Armada manakala sayap wanita ditiadakan buat masa ini.

Mengulas mengenai barisan kepemimpinan MPT yang rata-rata diisi oleh bekas pemimpin UMNO, beliau tidak menafikan

info

BARISAN KEPEMIMPINAN PUSAT PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)

- > **Pengerusi:** Tun Dr. Mahathir Mohamad (Bekas Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times)
- > **Presiden:** Tan Sri Muhyiddin Yassin
- > **Timbalan Presiden:** Datuk Seri Mukhriz Mahathir
- > 2. Zahid Mat Arip (Mursyidul Am Pertubuhan Tolak Individu Bernama Anwar Ibrahim (TIBAI))
- > 3. Kamarulzaman Habibur Rahman
- > 4. Akramsyah Muamar Ubaidah Sanusi
- > 5. Ahmad Faizal Azumu
- > 6. Datuk Dr. Rais Hussin Mohamed Ariff
- > 7. Mohd. Rafiq Naizamohideen
- > 8. Marzuki Yahya
- > 9. Tariq Ismail Mustafa
- > 10. Prof. Datuk Dr. Sukiman Sarmani
- > 11. Tan Sri Abd. Aziz Mohd. Yassin
- > 12. Nordin Salleh
- > 13. Hazlinda Abd. Latiff
- > 14. Redzuan Md. Yusof
- > **Naib-naib Presiden:**
- > **Naib Presiden I:** Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman (Bekas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya)
- > **Naib Presiden II:** Datuk Hamidah Osman (bekas Ketua Wanita UMNO Bahagian Gopeng)
- > **Naib Presiden III:** Datuk Abdul Rashid Asari
- > **Setiausaha:** Datuk Dr. Shahrudin Md. Salleh (Bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Pagoh)
- > **Bendahari:** Datuk Mohamed Salleh Bajuri
- > **Ketua Penerangan:** Datuk Kamarudin Md. Nor
- > **Ketua Srikandi:** Anina Saadudin (Bekas ahli Wanita UMNO Langkawi)
- > **Ketua Armada:** Syed Saddiq Syed Abdul Rahman
- > **Majlis Pimpinan Tertinggi:**
- > 1. Datuk Abdul Kadir Jasin

gandingan tersebut namun menegaskan, PPBM turut disertai oleh anak-anak muda dan mereka yang bukan berlatar belakang ahli politik.

Ditanya mengenai bekas Menteri Kewangan II, Datuk

Seri Ahmad Husni Hanadzlah yang mungkin dipecat daripada UMNO, beliau berkata, perkara tersebut di luar pengetahuannya namun PPBM sedia menerima Ahmad Husni untuk bersama-sama parti itu.